**LAMPIRAN 2**

**Jadual Kaedah Perolehan, Had Nilai, Syarat Pelaksanaan dan Pihak Berkuasa Melulus**

| Bil | Kaedah Perolehan | Had Nilai | Syarat dan Pelaksanaan | Pihak Berkuasa Melulus |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **Pembelian Terus** | Sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak | i. Proses perolehan perlu dibuat selewat-lewatnya 2 minggu sebelum bekalan/ perkhidmatan/ kerja mula dibekal/ dilaksana<br><br>ii. Pelawaan kepada mana-mana pembekal/kontraktor tanpa mengambilkira pendaftaran dengan MOF atau penarafan status Bumiputera bagi bekalan/ perkhidmatan<br><br>iii. Pelawaan untuk kerja perlu dibuat kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera<br><br>iv. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal/ kontraktor | **Pegawai yang diberi kuasa** |
| 2 | **Sebut harga** | Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 (Bekalan/ perkhidmatan) setahun atau sesuatu kontrak | i. Proses perolehan perlu dibuat selewat-lewatnya 1 bulan sebelum bekalan/ perkhidmatan/ kerja mula dibekal/ dilaksana<br><br>ii. Pelawaan kepada sekurang-kurangnya 3 pembekal/ kontraktor yang berdaftar dengan MOF tanpa mengambilkira penarafan status Bumiputera<br><br>iii. Tempoh pelawaan sekurang-kurangnya 3 hari<br><br>iv. Tidak perlu melalui Jawatankuasa Pembukaan Sebut Harga<br><br>v. Penilaian oleh Jawatankuasa Penilai yang dianggotai sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk Pengerusi dan | **Jawatankuasa Sebut harga (JKSH) B**<br><br>i. Dilantik oleh pegawai yang diberi kuasa<br>ii. Keahlian sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi |

| Bil | Kaedah Perolehan | Had Nilai | Syarat dan Pelaksanaan | Pihak Berkuasa Melulus |
|---|---|---|---|---|
| | | | dilantik oleh Ketua PTJ. | |
| | | • Melebihi RM50,000 hingga RM500,000<br>(Bekalan/ perkhidmatan) setahun atau sesuatu kontrak<br><br>ATAU<br><br>• Melebihi RM20,000 hingga RM500,000 (kerja) setahun atau sesuatu kontrak | i. Proses perolehan perlu dibuat selewat-lewatnya 4 bulan sebelum bekalan/ perkhidmatan/ kerja mula dibekal/ dilaksana<br><br>ii. Pelawaan kepada sekurang-kurangnya 5 pembekal/ kontraktor yang berdaftar dengan;<br>a. MOF dibawah kod bidang berkaitan dan lain-lain sijil yang perlu (bekalan/ perkhidmatan)<br>b. CIDB mengikut gred ditetapkan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan lain-lain sijil berkaitan<br><br>iii. Pelawaan kepada syarikat bertaraf Bumiputera bagi perolehan yang melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 bagi bekalan/ perkhidmatan dan melebihi RM20,000 sehingga RM200,000 bagi kerja<br><br>iv. Pengesahan Spesifikasi melalui Jawatankuasa Pengesahan Spesifikasi<br><br>v. Format dokumen pelawaan merujuk prosedur kerja berkuatkuasa<br><br>vi. Tempoh pelawaan sekurang-kurangnya 7 hari<br><br>vii. Pembukaan melalui Jawatankuasa Pembukaan Sebut harga<br><br>viii. Penilaian oleh;<br>a. Jawatankuasa Penilai Kewangan, Spesifikasi/ Teknikal dan Jawatankuasa Penyelarasan | **Jawatankuasa Sebut Harga**<br><br>i. Dilantik oleh pegawai yang diberi kuasa<br>ii. Keahlian sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi |

| Bil | Kaedah Perolehan | Had Nilai | Syarat dan Pelaksanaan | Pihak Berkuasa Melulus |
|---|---|---|---|---|
| | | | diperingkat PTJ (bekalan/ perkhidmatan)<br>b. Jawatankuasa Penilaian Kerja (kerja)<br>ix. Lantikan sekurang-kurangnya 3 ahli termasuk Pengerusi oleh Ketua PTJ | |
| 3 | **Tender** | Melebihi RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak | i. Proses perolehan perlu dibuat selewat-lewatnya 6 bulan sebelum bekalan/ perkhidmatan/ kerja mula dibekal/ dilaksana<br><br>ii. Pelawaan kepada pembekal/ kontraktor yang berdaftar dengan;<br>a. MOF dibawah kod bidang berkaitan dan lain-lain sijil yang perlu (bekalan/ perkhidmatan)<br>b. CIDB mengikut gred ditetapkan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan lain-lain sijil berkaitan<br><br>iii. Pengesahan Spesifikasi melalui Jawatankuasa Pengesahan Spesifikasi<br><br>iv. Format dokumen pelawaan merujuk prosedur kerja berkuatkuasa<br><br>v. Tempoh pelawaan sekurang-kurangnya 21 hari<br><br>vi. Pembukaan melalui Jawatankuasa Pembukaan Tender<br><br>vii. Penilaian oleh;<br>a. Jawatankuasa Penilai Kewangan, Spesifikasi/ Teknikal dan Jawatankuasa Penyelarasan diperingkat PTJ (bekalan/perkhidmatan)<br>b. Jawatankuasa Penilaian Kerja (kerja)<br>c. Lantikan sekurang-kurangnya 3 ahli termasuk | **Jawatankuasa Perolehan Tender** |

| Bil | Kaedah Perolehan | Had Nilai | Syarat dan Pelaksanaan | Pihak Berkuasa Melulus |
|---|---|---|---|---|
| | | | pengerusi oleh Ketua PTJ<br><br>viii. Diperaku di Jawatankuasa Penyelarasan Tender Universiti | |